

# GABUNGAN SEKOLAH LATIHAN TEMPUR TUDM BUKIT IBAM DAN SKN 322 MENYAHUT SERUAN BULAN SUKAN NEGARA 2019

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5503-gabungan-sekolah-latihan-tempur-tudm-bukit-ibam-dan-skn-322-menyahut-seruan-bulan-sukan-negara-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5503-gabungan-sekolah-latihan-tempur-tudm-bukit-ibam-dan-skn-322-menyahut-seruan-bulan-sukan-negara-2019)

BUKIT IBAM, 12 Okt 19 – Sekolah Latihan Tempur TUDM telah menganjurkan aktiviti 10KM Challenge yang dirasmikan oleh Pegawai Memerintah SLTT, Kol Jafridin bin Bahari TUDM di sekitar Bukit Ibam.

Aktiviti ini bertujuan untuk memastikan tahap kecergasan anggota sentiasa berada pada tahap yang baik selain menyahut seruan TUDM yang telah mewajibkan setiap Pangkalan dan Skwadron untuk mengadakan 10KM Challenge.

Aktiviti ini dimulakan dengan senamrobik yang diketuai oleh Jurulatih Jasmani SLTT yang turut disertai oleh ahli BAKAT yang mengambil bahagian dalam acara larian 5km dan kanak-kanak dari Tadika Kemas serta ahli keluarga anggota SLTT.

Aktiviti yang dijalankan ini bukan sahaja menguji kecergasan setiap warga SLTT malah ianya juga dapat merapatkan lagi hubungan silaturrahim sesama Pegawai dan anggota serta ahli BAKAT dan ahli keluarga yang hadir.

